



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry Of Science, Technology and Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



06 April 2016
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 01/2015 Sem.1

KRITERIA PEMARKAHAN SISTEM MERIT BAGI PENGENDALI BIDANG RADIOGRAFI INDUSTRI

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai kriteria pemarkahan sistem merit untuk Pengendali bagi bidang radiografi industri.

LATARBELAKANG

2. Berdasarkan Notis Pemberitahuan Bil. 01/2014 bertarikh 20 Februari 2014, berkuatkuasa **01 Januari 2015**, seseorang Pengendali hendaklah mempunyai kelayakan minimum Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 dan Pengendali Pelatih hendaklah mempunyai kelayakan minimum SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 1 atau Tahap 2 (*Direct Access*).

3. Pengendali sedia ada yang memiliki SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 1 ini perlu mendapatkan SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 sebelum **1 Januari 2017** bagi membolehkan Pengendali ini kekal diiktiraf sebagai Pengendali. Sekiranya Pengendali ini gagal untuk mendapatkan SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 sebelum 1 Januari 2017, maka pengiktirafan sebagai Pengendali akan diturun taraf sebagai Pengendali Pelatih. Walau bagaimanapun, AELB turut memberi ruang kepada Pengendali sedia ada yang memiliki SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 1 ini untuk kekal diiktiraf sebagai Pengendali berdasarkan merit yang dinilai oleh AELB dalam tempoh 2 tahun mulai 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016.

KEPUTUSAN DAN ARAHAN AELB

4. Bagi tujuan pelaksanaan sistem ini, Pengendali bidang radiografi industri yang masih sah pengiktirafan akan **diberi mata merit sebanyak 100 mata** oleh AELB. Bagi melayakkan Pengendali ini kekal diiktiraf sebagai Pengendali, AELB telah menetapkan agar seseorang Pengendali hendaklah mengekalkan mata merit sekurang-kurangnya **70 mata**. Mata merit akan ditolak bagi setiap kesalahan yang dilakukan mengikut pemberat kesalahan sama ada kesalahan mandatori, major atau minor dalam tempoh 2 tahun (mulai 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016) seperti di **Lampiran 1**. Berikut adalah jumlah mata merit yang akan ditolak berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan oleh Pengendali:

- a) Kesalahan Mandatori – 10 mata
- b) Kesalahan Major – 5 mata
- c) Kesalahan Minor – 3 mata

Bagi mencapai mata merit yang ditetapkan, kesalahan yang dilakukan **tidak boleh melebihi 30 mata**.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

5. Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2015**.

PENUTUP

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Luar

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : pbs@aelb.gov.my

Laman Web : www.aelb.gov.my



Bil	KESALAHAN	DE-MERIT (-ve)
KESALAHAN MANDATORI		
1.	Tidak memakai alat pemantauan personel seperti lencana filem atau TLD di badan semasa menjalankan kerja-kerja yang melibatkan sinaran	10
2.	Memakai alat pemantauan personnel seperti lencana filem atau TLD milik orang lain semasa menjalankan kerja-kerja yang melibatkan sinaran	10
3.	Tidak menggunakan meter tinjau semasa menjalankan kerja-kerja yang melibatkan sinaran	10
4.	Meter tinjau tidak berfungsi atau rosak semasa menjalankan kerja-kerja yang melibatkan sinaran	10
5.	Meter tinjau tamat tempoh tentukan semasa menjalankan kerja-kerja radiografi	10
6.	Tidak memasang persempadanan (papan tanda sinaran/ lampu amaran/ sawar) kawasan selamat semasa menjalankan kerja-kerja yang melibatkan sinaran	10
7.	Pekerja sinaran menerima dos melebihi 20mSv/tahun	10
8.	Tidak mematuhi prosedur pengangkutan bahan radioaktif iaitu tidak menggunakan pekat/ lambang sinaran yang mengikut standard	10

Bil	KESALAHAN	DE-MERIT (-ve)
9.	Tiada peralatan kecemasan sinaran semasa menjalankan kerja-kerja yang melibatkan sinaran bagi satu kawasan premis kerja	10
10.	Meninggalkan bahan radioaktif tanpa kawalan	10
11.	Menstor atau menyimpan atau memindah bahan radioaktif di tempat awam atau penstoran yang tidak diiktiraf oleh AELB	10
12.	Menstor atau menyimpan atau memindah bahan radioaktif di tempat awam atau penstoran yang diiktiraf oleh AELB tetapi tiada kebenaran (pihak ketiga dalam kes perkongsian tempat penstoran)	10
12.	Menstor atau menyimpan atau memindah bahan radioaktif di tempat awam atau penstoran yang diiktiraf oleh AELB tetapi tiada kebenaran	10
13.	Enggan memberi kerjasama atau tidak mematuhi arahan pegawai kanan awam AELB atau memberikan maklumat palsu semasa pemeriksaan dijalankan	10
14.	Bekerja dengan peralatan sinaran secara bersendirian	10
15.	Peralatan sinaran (termasuk "winding cable") yang tamat tempoh sah penyenggaraan	10
16.	Kecuaian yang menyebabkan kehilangan peralatan sinaran	10
17.	Melakukan kerja radiografi kawasan awam tanpa kebenaran (Sebelum lawatan penilaian Bahagian Penilaian dan Perlesenan, AELB)	10
18.	Kecuaian berurusan dengan peralatan sinaran yang boleh menyebabkan bahaya kepada orang awam	10

Bil	KESALAHAN	DE-MERIT (-ve)
KESALAHAN MAJOR		
1.	Tidak memenuhi syarat bekerja radiografi industri yang ditetapkan oleh AELB (iaitu minimum seorang Pengendali radiografi dan seorang Pengendali Pelatih)	5
2.	Menjalankan kerja radiografi tanpa pemberitahuan kepada AELB	5
3.	Kecuaian yang menyebabkan peralatan pemantauan personel memberi bacaan dos melebihi 20mSv/tahun	5
4.	Tamat tempoh sah pengiktirafan pekerja sinaran	5
5.	Peralatan pemantauan personel hilang	5
6.	Peralatan sinaran (termasuk "winding cable") yang tidak sempurna berfungsi atau tidak berkeadaan baik atau ada pengubahsuaian	5
7.	<p>Tidak mematuhi prosedur pengangkutan bahan radioaktif seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) paras sinaran pada pemandu dan paras sinaran pada luar kenderaan melebihi had yang dibenarkan; atau b) membawa penumpang semasa pengangkutan bahan radioaktif (selain dari pekerja sinaran) 	5
8.	<p>Peralatan kecemasan tidak mencukupi semasa kerja radiografi dijalankan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) <i>cutter</i> b) <i>lead pot</i> c) <i>lead shoot/kepingan plumbum atau</i> d) <i>long-tong</i> 	5
9.	Peralatan sinaran gagal ujian "go-no-go gauge"	5

Bil	KESALAHAN	DE-MERIT (-ve)
KESALAHAN MINOR		
1.	Tiada salinan sijil tentukuran meter tinjau yang sah atau pelekat tidak jelas semasa menjalankan kerja-kerja yang melibatkan sinaran	3
2.	Tiada salinan sijil penyenggaraan untuk peralatan sinaran (termasuk "winding cable") yang sah dan lengkap (bagi kes pelekat tidak jelas)	3
3.	Memakai alat pemantauan personnel yang sudah tamat tempoh	3
4.	Tiada bukti atau salinan pengiktirafan sebagai pengendali radiografi industri semasa pemeriksaan mengejut dijalankan	3
5.	Tiada bukti atau salinan kelulusan peminjaman pekerja, peralatan sinaran, meter tinjau dan lain-lain	3